

10 NOV 1999

Aishah-Sokong

SOKONGAN PADU PERLU UNTUK JAMIN KEMENANGAN BN, KATA AISHAH

JOHOR BAHRU, 10 Nov (Bernama) -- Tokoh veteran Umno, Tan Sri Aishah Ghani berharap rakyat akan terus memberikan sokongan padu kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada pilihan raya umum kali ini.

Beliau berkata kerajaan BN telah banyak membawa perubahan untuk meninggikan martabat bangsa Melayu, ekonomi dan kestabilan politik di negara ini.

"Oleh itu, sokonglah BN jika mahu melihat negara ini terus maju dan makmur", kata Aishah, bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno, kepada pemberita hari ini.

Dr Mahathir hari ini mengumumkan bahawa parlimen akan dibubarkan esok bagi membolehkan pilihan raya umum diadakan. Turut dibubarkan serentak esok ialah Dewan-dewan Undangan Negeri kecuali Sabah dan Sarawak.

Aishah yakin percubaan parti-parti pembangkang untuk menubuhkan BN tidak akan mendapat sambutan masyarakat yang berfikiran matang.

Mengenai kenyataan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat bahawa PAS bersedia menerima pemimpin bukan beragama Islam termasuk daripada DAP sebagai calon Perdana Menteri, Aishah berkata: "Saya tidak terkejut dengan kenyataan itu".

Katanya, langkah Pas itu hanya merupakan gimik politik dalam percubaannya untuk meraih undi daripada kalangan orang Cina.

Aishah berkata sejak pembabitannya dalam politik itulah taktik yang sering digunakan oleh PAS bagi mengelirukan rakyat.

"Pendapat dan pandangan parti-parti pembangkang itu sering tidak sehaluan. Yang penting, matlamat untuk memenangi pilihan raya," katanya.

Aishah, yang juga bekas menteri Kabinet, berkata beliau berharap orang Melayu tidak akan memperjudikan nasib dan masa depan mereka semata-mata terpengaruh dengan kempen pembangkang.

Anggota parlimen BN kawasan Rompin Datuk Dr Jamaluddin Mohamed Jarjis ketika ditemui di lobi Parlimen berkata beliau yakin Umno sebagai tulang belakang BN akan kembali ke Parlimen dengan kemenangan majoriti lebih daripada dua per tiga.

"Yang paling penting bukan individu dalam Parlimen tetapi BN kerana parti inilah yang akan membela bangsa, agama dan negara di masa depan," katanya.

Datuk Badruddin Amiruldin (BN-Yan) pula menyifatkan pembubaran Parlimen itu sebagai usaha murni kerajaan memberi mandat kepada rakyat memilih satu kerajaan yang baru.

"Saya yakin rakyat yang matang dan tahu berterima kasih akan terus memberi kepercayaan kepada BN untuk menerajui negara, memberi kesejahteraan kepada rakyat serta mengangkat martabat agama, bangsa dan tanah air kita," katanya.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan Datuk Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) pula berkata jentera pilihan raya BN telah bersiap sedia dan beliau yakin Dr Mahathir mempunyai kebijaksaaannya sendiri untuk membuat kejutan (mengenai pembubaran parlimen).

-- BERNAMA

NHA NMO